




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU: 25 OKTOBER 2017



KANDUNGAN


JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 54)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**



SOALAN NO: 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)
TARIKH : 25 OKTOBER 2017
SOALAN : 8

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesudian Kerajaan untuk menetapkan peruntukan Kementerian sebanyak 7% mengikut cadangan World Health Organisation (WHO). Adakah Kerajaan bersedia untuk melakukan 'ring-fencing' bagi Kementerian Kesihatan

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menitikberatkan kesejahteraan rakyat terutamanya dari segi penjagaan kesihatan yang berkualiti. Meskipun dalam keadaan ekonomi yang agak sukar, kerajaan tetap mengutamakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Ini dibuktikan dengan agihan peruntukan tahunan kepada Kementerian Kesihatan yang sentiasa menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2017 Kementerian Kesihatan telah diluluskan peruntukan sebanyak RM24.8 billion oleh Kementerian Kewangan. Ini merupakan pecahan 9.5% daripada jumlah bajet keseluruhan kerajaan persekutuan. Daripada jumlah tersebut, RM23.462 billion adalah untuk belanja mengurus dimana ianya digunakan untuk perbelanjaan emolumen dan operasi Kementerian. Manakala RM1.338 billion adalah

3

untuk belanja pembangunan. Pecahan ini adalah lebih tinggi dari pecahan yang ditetapkan oleh World Health Organisation (WHO) iaitu sebanyak 7%. Peruntukan tahun 2017 juga menunjukkan kenaikan sebanyak 0.9% berbanding tahun sebelumnya (2016).